

# Norma baharu pengangkutan awam

**Pengangkutan** awam memainkan peranan penting terhadap corak perjalanan masyarakat. Sistem pengangkutan antara komponen penting dalam negara mapan. Ia penyelesaian kepada pelbagai permasalahan seperti kesesakan lalu lintas, peningkatan masa perjalanan, risiko kemalangan jalan raya dan pencemaran alam sekitar berpunca keberuntungan masyarakat kepada kenderaan persendirian.

Bagaimanapun, penggunaan pengangkutan awam di negara ini masih berada di tahap rendah. Masyarakat lebih terarah kepada penggunaan kenderaan persendirian yang menjanjikan keselesaan, cepat dan privasi.

Hal ini bertambah teruk selepas penularan COVID-19 sejak awal tahun ini. Penggunaan pengangkutan awam merosot pada kadar sangat ketara, terutama sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di banyak negara termasuk Malaysia.

Ia juga disebabkan norma baharu yang diterapkan dalam masyarakat pada hari ini, iaitu budaya kerja dari rumah dan pembelajaran dalam talian.

Selepas PKP dilonggarkan, jumlah pengguna pengangkutan awam menunjukkan peningkatan, tetapi kadar sangat rendah. Sebahagian masyarakat sudah kembali kepada norma lama bekerja di pejabat atau tempat kerja sedia ada dan belajar secara fizikal. Soalnya, apakah tingkah laku perjalanan tetap sama seperti sebelum PKP?

Corak perjalanan beberapa bulan kebelakangan ini dilaporkan mengalami perubahan. Peralihan ketara berlaku daripada pengangkutan awam kepada persendirian dapat dilihat di kebanyakan negara di seluruh dunia.

Ini disebabkan kebimbangan pengguna terhadap keselamatan ketika berada di khalayak ramai seperti dalam pengangkutan awam. COVID-19 mencetuskan kebimbangan pelbagai pihak terhadap keselamatan dan implikasi penggunaan pengangkutan persendirian untuk melakukan perjalanan seperti risiko kemalangan jalan raya dan kesesakan lalu lintas.

Trend penggunaan basikal dan berjalan kaki untuk perjalanan dekat turut meningkat terutama di Eropah seperti United Kingdom (UK), Belanda dan Jerman.

Keadaan hari ini mendesak masyarakat perlu belajar untuk 'hidup' dengan COVID-19 dan membiasakan dengan norma baharu. Selepas PKP dilonggarkan, sesetengah sektor menjalankan aktiviti seperti sedia kala de-

ngan penyesuaian mengikut prosedur operasi standard (SOP), manakala sebahagian lain memilih terus kekal bekerja dari rumah.

Bagaimanapun, terdapat sektor membuat penggiliran waktu kerja kepada kakitangan untuk mengimbangi tempoh bekerja dari rumah dan hadir secara fizikal di tempat kerja. Ini memerlukan perancangan logistik strategik untuk memudahkan dan menggalakkan pekerja menyesuaikan diri dengan norma baharu.

Pembukaan semula pelbagai sektor dan sesi pengajaran serta pembelajaran di sekolah mahupun pusat pengajian tinggi, sekali gus meningkatkan jumlah permintaan perjalanan.

Oleh itu, bagi mengurangkan keberuntungan masyarakat kepada kenderaan persendirian, alternatif lain perlu dipilih orang ramai. Antaranya, berjalan kaki dan berbasikal, tetapi hanya berperanan untuk sesetengah orang dan jarak tertentu.

Pengangkutan awam dilihat sebagai komponen kritikal sangat penting da-

lam pilihan yang ada. Pembekal perkhidmatan pengangkutan awam dan orang ramai perlu bekerjasama mempromosikan pengangkutan awam sebagai alternatif selamat untuk membuat perjalanan terutama dalam situasi masa kini.

Penyediaan maklumat kepada orang ramai supaya dapat melihat dengan jelas dan memahami langkah diambil penyedia perkhidmatan pengangkutan awam untuk memastikan pengguna selamat terutama ketika menggunakannya adalah sangat penting.

Pembekal perkhidmatan pengangkutan awam juga boleh meningkatkan kekerapan kerja pembersihan dan nyahkuman dalam kenderaan dan terminal. Selain mengambil langkah berjaga-jaga membuat saringan suhu kepada semua kakitangan sebelum memulakan tugas, penggunaan pelitup muka dan sanitizer ketika bertugas juga perlu diwajibkan.

Pengurusan teliti dan pelaksanaan langkah keselamatan bersesuaian membantu meningkatkan kepercayaan pengguna terhadap perkhidmatan pengangkutan awam. Pengurusan corak perjalanan secara mapan boleh mengelakkan daripada kelewatan pemulihan ekonomi dan mengurangkan kadar penularan COVID-19.

Kerjasama orang ramai sebagai peneraju permintaan perjalanan dan penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam penting untuk membolehkan perjalanan dilakukan dengan selamat dan memberi faedah ekonomi, sosial serta alam sekitar.

**Penulis adalah** Pensyarah Kanan dan Pensyarah (Kejuruteraan Pengangkutan dan Lebuhraya) di Jabatan Kejuruteraan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



**Dr Muhammad Nazri Borhan**



**Ahmad Nazrul Hakimi Ibrahim**

